

Karangan Berpandu : Syarahan mensisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah

Lengkapkan karangan syarahan di bawah.

Masa

bergotong-royong

kokurikulum

berfaedah

membaca

kebaikan

intelektual

pengetahuan

persaudaraan

syarahan



Assalamualaikum kepada Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis, Pengetua, guru-guru, rakan-rakan serta hadirin yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu ribuan terima kasih ingin saya ucapkan kerana diberi peluang untuk menyampaikan sebuah [] pada pagi yang dingin ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Terlebih dahulu izinkan saya untuk memperkenalkan tajuk syarahan saya pada hari ini iaitu "Mengisi [] Lapang dengan Perkara Yang Berfaedah". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka perkataan "masa lapang" didefinisikan sebagai masa yang terluang tanpa sebarang aktiviti. Masa lapang haruslah diisi dengan aktiviti yang [] dan masa amatlah penting bak kata pepatah "Masa itu emas". Masa tidak sepatutnya terbuang begitu sahaja kerana masa yang terbuang tidak mungkin boleh diulang. Masa lapang yang kita ada tidak sepatutnya dibazirkan begitu sahaja tanpa sebarang aktiviti yang bermanfaat.

Terdapat pelbagai cara yang kita boleh lakukan untuk mengisi masa lapang. Antaranya adalah dengan melibatkan diri dalam kegiatan []. Dengan cara itu, kita dapat mengekalkan kecergasan tubuh badan dan juga dapat meningkatkan pengalaman dan ilmu []. Bak kata pepatah, "Badan cergas otak cerdas" adalah cogan kata yang dapat merumuskan bahawa setiap individu harus melibatkan diri dalam aktiviti riadah pada masa lapang agar dapat hidup sihat dan sejahtera tanpa sebarang penyakit yang kronik.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Selain itu, ada juga individu yang akan memilih aktiviti [] untuk mengisi masa lapang yang terluang. Banyak sumber bahan bacaan yang dapat dibaca seperti majalah, surat khabar, buku sejarah dan sebagainya. Membaca merupakan aktiviti yang paling berfaedah dan bermanfaat untuk mengisi masa terluang. Amalan membaca ini harus diterap pada setiap individu supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran [] masing-masing.

Seterusnya, setiap individu boleh melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah seperti [] sesama rakyat sekitar agar dapat membina persekitaran yang bersih and sihat. Lebih - lebih lagi, perbuatan ini dapat membina tali [] antara jiran-jiran sekitar kawasan perumahan masing-masing.

Sekian sahaja syarahan saya untuk kali ini. Saya menyusun kesemua jari untuk memohon maaf jika tersalah kata. Saya mengakhiri syarahan ini dengan harapan agar setiap orang akan mengisi masa lapang masing-masing dengan melakukan aktiviti yang lebih berfaedah untuk [] diri, keluarga, masyarakat dan negara. Sekian, terima² kasih.